

1,000 belia seluruh Sabah akan sertai program Kem Belia SAPP

KOTA KINABALU: Seramai 1,000 belia dari seluruh Sabah akan menyertai program Kem Belia SAPP secara besar-besaran anjuran Parti Maju Sabah (SAPP) bermula dari 24 hingga 29 Disember tahun ini di sekolah Menengah (SM) Teknik di sini.

Pengerusi Penganjur program, Au Kam Wah berkata program itu terbahagi dua peringkat iaitu Zon Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Beaufort bermula 24 hingga 38 Disember.

Sementara bagi Zon Kota Kinabalu Selatan dan Kota Kinabalu Utara, Kudat dan Pedalaman bermula pada 26 hingga 29 Disember ini.

Au berkata selain program seumpamanya untuk merapatkan silaturahmi dan menyatupadukan semua remaja dan belia daripada pelbagai lapisan bangsa, budaya dan kepercayaan antutan agama selain menjurus kepada pendedahan

ilmu dalam pelbagai aspek.

"Antaranya program yang berorientasikan, disiplin dan kesedaran kepada perjuangan bangsa dan negara khas kepada golongan belia khususnya di Sabah untuk mengisi masa lapang supaya tidak terbuang begitu saja," jelasnya.

Katanya lagi para peserta Kem Belia ini juga akan dibawa melawat kebeberapa tempat antaranya ialah Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan setibanya di sana mereka akan diberikan taklimat dan ceramah motivasi.

Acara kemuncak sempena program ini ialah Perayaan Pesta Belia SAPP yang akan diadakan di Kompleks Sukan Likas pada 27 Disember ini jam 2 petang.

Mengenai Kem Remaja dan Kem Belia SAPP menurut Au program itu diadakan pada setiap tahun di seluruh Sabah sejak tahun 2000 lagi.